

CNS9627

B GB 20-01 00182 BA666

aab

Mahathir - Kabinet

KABINET PUTUS TARIK BALIK KEMUDAHAN RAJA YANG TIDAK TERSURAT

KUALA LUMPUR, 20 Jan (Bernama) -- Kabinet hari ini membuat keputusan menarik balik segala kemudahan dan keistimewaan Raja-raja Melayu yang tidak tersurat di dalam Perlembagaan dan undang-undang, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, keputusan itu dibuat kerana kerajaan berpendapat sekiranya Raja-raja Melayu berpegang kepada undang-undang semata-mata tanpa mengambil kira semangat di sebalik Perlembagaan, kerajaan juga terpaksa berbuat demikian.

"Segala kemudahan dan keistimewaan yang selama ini kita sudah berikan secara berlebihan juga akan ditarik balik," katanya kepada pemberita di ruang legar Dewan Negara, Bangunan Parlimen, di sini.

Dr Mahathir tiba di Bangunan Parlimen pada 6.10 petang dan mendengar perbahasan Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1993 di Dewan Negara selama setengah jam.

Tanpa menyebut secara khusus jenis kemudahan dan keistimewaan yang akan ditarik balik itu, beliau berkata, selama ini kerajaan tidak mengambil kira sangat kemudahan-kemudahan yang telah diberikan secara berlebihan.

Bagaimanapun, katanya, "Sekarang ini kita tentukan setakat yang diperuntukkan sahaja...Hanya yang tersurat". -- Lagi

▼20/01/19-19MST

CNS9657

B GB 20-01 00186 BA671

aab

(Ulangan membetulkan slug)

Mahathir - Kabinet 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, keputusan menarik balik segala kemudahan dan keistimewaan berlebihan serta yang tidak tersurat itu juga termasuk taklimat Perdana Menteri kepada Yang di-Pertuan Agong setiap Rabu berhubung mesyuarat mingguan Kabinet.

"Itu (taklimat) cuma amalan sahaja dan bukan diperuntukkan oleh undang-undang," jelas beliau.

Perdana Menteri berkata, beliau telahpun menyebut mengenai kemungkinan kerajaan berbuat demikian (menarik balik kemudahan raja-raja yang tidak tersurat) semasa berucap menggulung perbahasan Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1993 di Dewan Rakyat semalam.

Ketika ditanya bila keputusan itu dikuatkuasakan, beliau berkata "Nampaknya Selangor sudahpun menguatkuasakannya hari ini dan Kerajaan Persekutuan pula dalam mesyuarat Kabinetnya hari ini membuat keputusan yang sama."

Mengenai kemungkinan kemudahan Wad Diraja di hospital-hospital kerajaan juga ditarik balik, katanya beliau kurang pasti sama ada ia termaktub dalam Perlembagaan dan undang-undang, tetapi sekiranya tidak, maka kemudahan itu juga akan ditarik balik.

Bagaimanapun, katanya, keistimewaan untuk mendapatkan nombor pendaftaran kenderaan 1 hingga 10 yang diberikan sekarang sudah pasti akan ditarik balik kerana tidak diperuntukkan dalam mana-mana undang-undang. -- Lagi

▼20/01/19-51MST

CNS9660

B GB 20-01 00170 BA672

aab

Mahathir - Kabinet 3 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, keputusan kerajaan itu hanya meliputi negeri-negeri yang mempunyai raja sahaja kerana negeri-negeri yang tidak mempunyai raja, Yang Dipertua Negeri tidak mempunyai hak kemudahan dan keistimewaan seperti raja-raja.

Katanya, kerajaan akan bersikap tolak ansur dalam pemberian kemudahan dan keistimewaan kepada Yang di-Pertua Negeri.

Ketika ditanya berapa peruntukan yang dapat dijamin oleh kerajaan apabila menghentikan pemberian kemudahan dan keistimewaan yang berlebihan dan tidak tersurat kepada raja-raja, beliau berkata, kerajaan tidak pernah membuat perkiraan seumpama itu kerana selama ini kerajaan bersikap tolak ansur.

Perdana Menteri berkata, penarikan balik kemudahan dan keistimewaan itu sudah pasti akan menjejaskan sedikit hubungan di antara kerajaan dengan istana.

Bagaimanapun, katanya, apabila perlu dan ada perkara-perkara rasmi, sudah pasti kerajaan akan menghadap Yang di-Pertuan Agong atau raja-raja.

Ketika ditanya sama ada Yang di-Pertuan Agong memberi tanda-tanda atau kenyataan tidak akan menandatangani Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1993, beliau berkata, baginda tidak menyatakan apa-apa pun. -- Lagi

▼20/01/19-56MST

CNS9710

B GB 20-01 00221 BA678

aab

(Ulangan membetulkan slug)

Mahathir - Kabinet 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir juga diminta mengulas sokongan yang diperolehi kerajaan di Dewan Rakyat semalam setelah anggota dewan meluluskan Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1993.

Katanya, semua Anggota Parlimen dari parti komponen Barisan Nasional dan Bebas telah menyatakan sokongan mereka kepada Rang Undang-undang itu.

Beliau berkata, walaupun wakil DAP dan PAS berkecuali ketika pengundian, mereka telah menyatakan sokongan ketika membahaskan Rang Undang-undang itu.

"Ini buat kali pertama satu pindaan yang dikatakan semua orang sokong tetapi undi sahaja yang lain. Itu hal lainlah," katanya.

Perdana Menteri berkata, DAP tidak mengundi untuk menyokong kerana wakil-wakilnya telah diarah supaya tidak menyokong usul kerajaan itu.

Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1993 itu bertujuan menghadkan imuniti raja-raja, kuasa pengampunan dan kebebasan kepada anggota Parlimen dan Dewan Undangan Negeri membahaskan isu berkaitan raja-raja asalkan tidak menganjurkan penghapusan sistem Raja Berperlembagaan di negara ini. Ia disokong oleh 133 orang anggota Dewan Rakyat, 23 berkecuali dan tiada menentang.

Mengenai dakwaan seorang anggota Dewan Negara hari ini, ketika membahaskan Rang Undang-undang itu, bahawa berlakunya kebimbangan di kalangan pelabur asing kononnya negara ini dilanda krisis perlembagaan, Perdana Menteri berkata, kemasukan pelaburan asing tidak ada kena mengena dengan raja-raja dan mereka tidak sepatutnya merasa bimbang. -- Bernama